

## **1.1 Pengenalan**

Kajian ilmiah ini bertajuk “Hadith-Hadith Dalam Karya Syeikh ‘Abd. Al-Qādir Al-Mandīlī: Takhrij Dan Analisis”, adalah merupakan sebuah kajian ilmiah yang cuba untuk merungkai dan menjelaskan beberapa permasalahan merujuk kepada tajuk kajian tersebut.

Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandīlī merupakan di kalangan tokoh ulama Nusantara kelahiran dunia Melayu yang telah mencurahkan sumbangan yang besar dalam keilmuan Islam. Beliau juga merupakan di kalangan ulama produktif yang telah menghasilkan banyak karya merangkumi aspek akidah (usuluddin), perundangan Islam (fikah), tasawuf (akhlak), politik serta kenegaraan. Dalam bab pendahuluan ini, penulis akan menjelaskan berkaitan permasalahan kajian serta objektif kajian ini dijalankan di samping menerangkan berkaitan metode atau kaedah yang dipilih dalam melaksanakan kajian ini. Seterusnya dinyatakan bersama skop kajian serta kepentingan kajian ini dilakukan.

## **1.2 Latar belakang Masalah Kajian**

Peranan ulama dalam perkembangan ilmu khususnya di kalangan ulama di alam Melayu ini tidak dapat dipertikaikan lagi. Segala bentuk kesungguhan mereka untuk mencari, mendidik dan berusaha membantu membuka pintu hidayah yang sebenar, telah membawa satu perubahan besar kepada masyarakat di alam Melayu ini. Menurut Wan Mohd Shaghir bin Abdullah, beliau menyebutkan bahawa ramai orang yang berpendapat dan bercakap bahawa penulisan ilmu-ilmu keIslaman yang dilakukan oleh ulama Asia Tenggara pada zaman silam, banyak memberi tumpuan atau lebih berkisar kepada ilmu-

ilmu seperti tasawuf, fikah dan tauhid sahaja. Ada sebahagian pula yang menyebutkan bahawa ulama-ulama Islam Asia Tenggara tidak mengenali ilmu hadith. Pendapat yang telah dikemukakan tersebut merupakan kekeliruan yang amat besar kerana penulisan ilmu-ilmu Islam di kalangan ulama Asia Tenggara adalah lengkap termasuk ilmu hadith dan beberapa ilmu lain seperti ilmu hisab, ilmu falak, ilmu perubatan dan lain-lain.<sup>1</sup>

Syeikh 'Abd al-Qādir al-Mandilī merupakan di kalangan ulama Asia Tenggara atau ulama kelahiran dunia Melayu yang telah memberikan sumbangan yang tidak kurang banyaknya ke arah perkembangan ilmu di Nusantara ini. Kelahiran karya beliau dalam pelbagai bidang seperti tasawuf, tauhid (usuluddin), *fiqh* (fikah), politik dan kenegaraan serta merupakan tokoh pemikir ketika itu telah menyemarakkan lagi perkembangan tersebut. Jika dilihat kepada karya-karya penulisan beliau, boleh dikatakan terdapat kepelbagaian aspek yang diperbincangkan. Ini bermakna beliau menguasai pelbagai cabang dan bidang keilmuan. Antara karya-karya beliau seperti *Tuhfah al-Qārī al-Muslim* dalam bidang hadith, *Senjata Tok Haji dan Tok Lebai* berkaitan doa-doa dan zikir-zikir, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf* dalam bidang akidah, *Penawar Bagi Hati* dalam aspek tasawuf, *Petunjuk Bagi Sekalian Umat* berkenaan dalil-dalil bagi sunat *Qabliyah* Jumaat dan banyak lagi.

Oleh yang demikian, merujuk kepada tajuk kajian, pengkaji akan cuba untuk mengkaji hadith-hadith yang terdapat dalam karya-karya beliau tersebut. Namun, tidak semua karya akan diselongkar hadith-hadithnya, kecuali beberapa karya sahaja khususnya karya-karya yang memuatkan banyak hadith. Untuk memudahkan lagi perbincangan dan

---

<sup>1</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah (1421H/2000M), *Wawasan Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, Jilid 1, cet.1, hlm 75.

agar tidak tersasar daripada skop kajian, pengkaji telah memilih empat buah kitab yang akan dilihat hadith-hadithnya satu persatu. Seterusnya dijalankan proses pentakhrijan terhadap hadith-hadith tersebut dengan diberikan beberapa ulasan ringkas. Karya yang bakal menjadi bahan kajian pengkaji adalah *“Penawar Bagi Hati”* dalam bidang tasawuf, *“Manakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir”* dalam bidang pendidikan, *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* dalam bidang fikah, dan *I’tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya ‘Isa ‘Alayh al-Salam Pada Akhir Zaman* dalam bidang akidah.

Selain tertumpu kepada proses mentakhrij dan ulasan terhadap hadith-hadith daripada karya-karya tersebut, pada masa yang sama pengkaji tidak ketinggalan untuk memperkenalkan tokoh pengarang karya-karya tersebut iaitu Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Madilī, diikuti dengan penerangan khusus berkaitan karya-karya tersebut. Dalam pada itu, pengkaji mendahului perbincangan dengan penjelasan berkaitan perkembangan penulisan hadith di Nusantara sebagai satu lontaran awal untuk memberikan satu gambaran umum secara ringkas terhadap perkembangan hadith, melalui penulisan dan pengajiannya di Nusantara.

### **1.3 Pernyataan Masalah Kajian**

Seperti mana yang disebutkan oleh pengkaji dalam latar belakang masalah kajian, pentingnya kajian ini dilakukan adalah untuk memberi pendedahan, di samping memperkenalkan beberapa buah karya Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandilī. Pada masa yang

sama pengkaji akan menyenaraikan, mentakhrij dan memberi ulasan ringkas terhadap keseluruhan hadith di dalam karya-karya tersebut. Empat buah karya telah dipilih oleh pengkaji untuk dijadikan bahan kajian yang mewakili empat bidang keilmuan iaitu tasawuf, akidah, pendidikan dan fikah. Melalui pembongkaran dan usaha tersebut juga, diharapkan pengkaji dapat mendedahkan beberapa aspek-aspek lain berkaitan kitab-kitab tersebut seperti penjelasan kandungan kitab-kitab tersebut dan beberapa maklumat lain yang diperlukan oleh pengkaji untuk melengkapkan lagi kajian ini.

Keempat-empat buah karya ini dipilih oleh pengkaji di atas beberapa sebab iaitu; melalui penelitian terhadap keseluruhan karya al-Mandīlī sebelum ini, empat buah karya terpilih itu merupakan karya-karya al-Mandīlī yang banyak memuatkan dan mencatatkan hadith berbanding karya-karya beliau yang lain. Bahkan hadith-hadith itu disebutkan secara jelas sama ada dalam bentuk matan atau sekadar terjemahan sahaja. Tambahan lagi secara tidak langsung ia dapat menjadi bukti kelimuan al-Mandīlī dalam pelbagai bidang keilmuan dan peranan beliau sebagai seorang tokoh ulama terkemuka dunia Melayu.

Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba menyelesaikan beberapa persoalan dan permasalahan di bawah iaitu;

1. Bagaimana perkembangan hadith di Nusantara?
2. Siapakah Syeikh Abd al-Qādir al-Mandīlī, keturunan, keluarga, pendidikan dan seluruh latar belakang beliau?
3. Apakah sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh Syeikh Abd al-Qādir al-Mandīlī di alam Melayu selaku tokoh ulama?

4. Apakah bentuk karya-karya yang dihasilkan oleh beliau, dan berapakah jumlah karya-karya tersebut mengikut beberapa bidang pengajian?
5. Berapa jumlah karya al-Mandilī yang dijadikan bahan kajian dan berapa jumlah hadith yang dicatatkan dalam jumlah karya tersebut?
6. Apakah kualiti hadith-hadith dalam karya-karya al-Mandilī tersebut?
7. Apakah kesimpulan keseluruhan terhadap bidang pengajian hadith dan perkembangannya melalui sumbangan karya yang telah dihasilkan oleh Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandilī?

Dengan demikian, melalui beberapa persoalan dia atas, diharapkan segala permasalahan tersebut dapat diselesaikan dan ia menjadi panduan untuk mencari penyelesaian sepenuhnya seperti mencapai objektif yang telah ditetapkan. Diharapkan juga, segala gerak geri perjalanan kajian ini dipermudahkan dengan lancar dan teratur.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggarapkan beberapa objektif kajian bagi memastikan kajian yang dilakukan tidak tersasar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

1. Memperkenalkan tokoh ulama Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandilī melalui pendedahan terhadap latar belakang keturunan, keluarga, pendidikan, pengajian serta sumbangan yang telah dicurahkan dalam perkembangan ilmu di Nusantara ini.
2. Mendedahkan secara umum dan ringkas berkaitan penulisan dan perkembangan hadith di Nusantara.

3. Membongkar maklumat berkaitan karya-karya al-Mandilī dalam pelbagai bidang khususnya tertumpu pada empat buah karya beliau yang menjadi bahan kajian pengkaji.
4. Menganalisis, mentakhrij dan memberi ulasan terhadap hadith-hadith yang telah dicatatkan di dalam kitab-kitab tersebut.

### **1.5 Kerangka Teori Kajian**

Merujuk kepada pernyataan tentang masalah kajian dan objektif kajian, dalam mendapatkan maklumat berkaitan Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandilī, pengkaji akan berusaha mengumpul, mencari dan menganalisis segala maklumat yang berkaitan bagi mendapatkan data dan fakta yang tepat. Keadaan ini memerlukan pengkaji melihat dan merujuk segala bentuk dokumentasi yang mempunyai kaitan dengan al-Mandilī dan keturunannya. Namun, sesuatu yang pasti adalah jika berlaku sebarang keraguan dan kekeliruan terhadap maklumat dan data yang diperoleh, pengkaji akan merujuk terus kepada waris keturunan al-Mandilī menerusi kaedah dialog memandangkan waris beliau masih hidup sehingga kini. Keadaan demikian juga diperlukan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data berkaitan karya-karya pengkajian beliau.

Manakala, berkenaan dengan perkembangan penulisan hadith di Nusantara pula, perbincangannya adalah bersifat menyeluruh dan umum. Dalam bab ini merupakan satu bentuk pengenalan bagi pengkaji untuk menjelaskan terlebih dahulu berkenaan pengkajian hadith di Nusantara memandangkan karya-karya al-Mandilī juga termasuk sebagai karya pengkajian hadith tersebut. Dengan itu, bagi memperoleh data-data berkenaan pengkajian

hadith ini, ia memerlukan kesungguhan dan usaha pengkaji untuk mencari dan mendalami fakta-fakta daripada pelbagai dokumentasi agar dapat dibuat kesimpulan menyeluruh.

Penekanan utama kajian ini adalah tertumpu pada pengkajian terhadap beberapa buah hadith di dalam beberapa buah karya al-Mandilī yang dijadikan fokus kajian. Sebelum dilakukan usaha mentakhrij dan analisis hadith-hadith daripada karya-karya tersebut, pengkaji mendahului dengan memperkenalkan karya-karya tersebut serta menjelaskan pendekatan yang digunakan dalam usaha mentakhrij hadith-hadith tersebut.

Selepas usaha mentakhrij, daripada hadith-hadith tersebut, proses analisis, mencari sumber sebenar (takhrij hadith), dan beberapa ulasan diletakkan untuk membuat penilaian terhadap sesebuah hadith. Sebagai tambahannya, beberapa maklumat yang berkaitan dengan takhrij hadith juga dimasukkan seperti sumber/kitab rujukan, perletakkan judul kitab, judul bab dan nombor hadith untuk melengkapkan lagi segala maklumat takhrij hadith tersebut.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Seperti mana yang disebutkan oleh pengkaji sebelum ini, kajian terhadap karya-karya al-Mandilī masih belum dilakukan oleh mana-mana pihak. Begitu juga pendedahan berkaitan ketokohan dan latar belakang al-Mandilī sendiri. Walaupun beliau merupakan seorang tokoh ulama yang telah memberikan sumbangan besar dalam dunia Islam khususnya di Nusantara ini, namun masyarakat, khususnya di Malaysia, masih ramai yang tidak mengenali beliau. Tambahan lagi, beliau diantara ulama yang mendapat

penghormatan daripada Kerajaan Arab Saudi apabila dibenarkan untuk mengajar dan memberi kuliah di Masjid al-Haram. Sehingga kini ia masih berlangsung kuliah pengajian tersebut yang telah diteruskan oleh anak beliau sendiri.

Oleh yang demikian, kajian ini sangat penting dilakukan bagi merungkai dan mendedahkan segala maklumat dan data tersebut. Pada masa yang sama, pengkaji juga cuba melihat kepada karya-karya beliau yang banyak dihasilkan dan sehingga kini masih digunakan sebagai bahan pengajaran. Kajian dengan memfokuskan terhadap kandungan karya-karya tersebut khususnya terhadap hadith-hadith yang dicatatkan, secara tidak langsung memberi gambaran tentang topik yang dibicara di dalam karya-karya tersebut. Moga diakhir kajian ini, al-Mandili akan lebih dikenali sebagai seorang tokoh terkemuka dunia Melayu yang telah banyak memberi mencurahkan bakti ke arah perkembangan ilmu-ilmu Islam dan umunnya agama Islam itu sendiri.

### **1.7 Ulasan Pengkajian (Literature Review)**

Daripada penelitian dan pencarian yang dilakukan oleh pengkaji, di dapati bahawa kajian terhadap al-Mandili dan karya-karya beliau ini masih belum diterokai sepenuhnya. Namun demikian, terdapat beberapa pengkajian atau kajian yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk melengkapkan lagi kajian pengkaji ini. Antaranya disebutkan di sini adalah:



1. Ishamuddin Abd Rahim (1987), “Tokoh Ulamak al-Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandilī: Tinjauan Pemikirannya Dari Aspek Politik”, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Kajian berbahasa Melayu berkenaan tokoh ini adalah berbentuk deskriptif dan hanya menyentuh aspek-aspek yang berkaitan latar belakang al-Mandilī yang merangkumi kelahiran, keturunan dan keluarga, pengajian dan pendidikan, peribadi serta sumbangan beliau di dalam dunia Islam terutama melalui pengajaran beliau dan karya-karya yang dihasilkan. Di samping itu, jika dilihat kepada tajuk, kajian ini lebih ditekankan kepada pemikiran politik, fatwa-fatwa politik al-Mandilī dan kesan pemikiran politik tersebut. Namun, dalam kajian ini masih tidak disentuh corak dan aliran pemikiran beliau.

Walaupun begitu, kajian ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan biografi al-Mandilī yang juga merupakan salah satu aspek yang disentuh dalam kajian pengkaji ini. Oleh sebab, tumpuan kajian ini lebih kepada aspek pemikiran politik al-Mandilī, maka kajian terhadap karya-karya beliau dan kandungannya tidak banyak disentuh.

2. Ramli Awang (2001), “Syeikh Abdul Qadir Mandilī: Satu Analisis Biografi dan Aliran-Aliran Pemikirannya”, Tesis yang dikemukakan untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Pengkajian ini pula adalah merupakan sebuah tesis untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D). Dalam kajian yang telah dilakukan, pengkajinya cenderung untuk

mengetengahkan secara lebih terperinci terhadap biografi Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandīlī. Beliau sendiri juga menyatakan dalam kajiannya ini bahawa beliau turut membetulkan beberapa fakta atau data yang di dapati salah daripada fakta dan data yang sebenar. Beliau menyebutkan kesalahan yang wujud dan memperbetulkan kesalahan tersebut berdasarkan kepada rujukan yang telah ditemui oleh beliau.

Kajian ini juga boleh dikatakan juga kesinambungan daripada kajian sebelum ini yang ditulis oleh Ishamuddin Abd Rahim. Namun, tumpuan bukan sahaja kepada biografi al-Mandīlī, bahkan kepada corak dan aliran pemikiran al-Mandīlī sendiri. Dalam objektif kajian, beliau antaranya menyatakan bahawa tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran al-Mandīlī dalam Usuluddin, Fikah, Akhlak dan Politik berbanding dengan aliran-aliran pemikiran Muslim yang utama seperti Salafisme, Tradisionalisme dan Literalisme.

Oleh yang demikian, kajian ini banyak membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan latar belakang dan sumbangan al-Mandīlī itu sendiri terutama merujuk kepada sumbangan beliau dalam bentuk karya atau pengkajian. Pada masa yang sama, kajian ini sama sekali tidak mengkaji secara mendalam mana-mana karya al-Mandīlī kecuali dinyatakan maklumat ringkas sahaja.

Dengan itu, hanya dua kajian awal sahaja yang telah dilakukan terhadap al-Mandili dengan memberi tumpuan terhadap kajian aliran pemikiran beliau serta pemikiran beliau dalam aspek politik. Kajian pengkaji ini adalah kajian baru dan terkini untuk

mengetengahkan al-Mandīlī dengan tumpuan kajian terhadap hadith-hadith di dalam beberapa karya beliau yang dipilih.

## **1.8 Metodologi Kajian**

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

#### **i. Metode Kajian Perpustakaan**

Metode kajian perpustakaan bermakna pengkaji akan merujuk segala bahan berbentuk dokumentasi sama ada diterbitkan atau tidak di beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan segala maklumat yang dikehendaki dan diperlukan. Antara perpustakaan tersebut adalah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur, dan lain-lain perpustakaan lagi.

#### **ii. Metode Dokumentasi**

Manakala, metode dokumentasi akan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan keterangan daripada bahan-bahan rujukan berbentuk dokumen sama ada dicetak ataupun tidak seperti buku, kitab, majalah, jurnal, kertas kerja dan risalah yang terdiri daripada sumber primer atau sekunder. Metode ini merupakan metode terpenting kerana kajian yang dilakukan tertumpu kepada karya-karya beliau tersebut dan juga tertumpu kepada biografi Syeikh Abd al-Qādir al-Mandīlī sendiri.

### iii. Metode Historis

Penggunaan metode ini di dalam kajian, akan membantu pengkaji untuk mengemukakan sejarah berkaitan Syeikh Abd al-Qādir al-Mandīlī yang merangkumi sejarah kelahiran dan keturunan, latar belakang kehidupan, sumbangan yang dicurahkan serta kedudukan beliau di kalangan ulama lain terutama ulama-ulama di Nusantara.

Begitu juga, dalam mendapatkan maklumat berkaitan kitab-kitab beliau tersebut yang merangkumi sejarah pengkajian, dorongan atau faktor yang mendorong kitab tersebut ditulis atau dikarang, serta kaitan atau hubungan kitab-kitab ini dengan kitab-kitab lain.

### iv. Metode Temu ramah

Melalui metode temu ramah atau dialog ini, pengkaji menggunakannya untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada waris Syeikh Abd al-Qādir al-Mandīlī terutama maklumat berkaitan latar belakang keturunan, keluarga, pendidikan dan sebagainya lagi. Melalui metode ini, pengkaji akan mendapat maklumat yang paling *primer* dan berautoriti untuk melancarkan perjalanan kajian.

## 1.8.2 Metode Analisis Data

### i. Metode Induktif

Metode ini merupakan cara menganalisis melalui pola berfikir yang mencari pembuktian melalui perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil bersifat umum. Pengkaji menggunakan metode ini untuk melihat dan menganalisis data sejarah yang dikemukakan bagi memperlihatkan segala maklumat berkaitan Syekh Abd al-Qādir al-Mandīlī. Penggunaan metode ini lebih tumpuan kepada bab dua.

#### ii. Metode Deduktif

Metode ini merupakan cara menganalisis dan mengolah pengkajian berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berdasarkan kepada bukti umum terhadap perkara-perkara khusus. Penggunaan metode ini lebih kepada bab tiga di mana pengkaji akan melihat dan meneliti kitab tersebut lalu diletakkan metode atau kaedah penyusunan kitab dan hadith yang telah dilakukan oleh pengarang asal.

#### iii. Metode Deskriptif Analisis

Deskriptif Analisis ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan analisis dan perbandingan terhadap data-data yang diperoleh. Segala data, fakta dan hujah-hujah yang dikumpulkan akan dibuat perbandingan dan kesimpulan. Metode ini pengkaji gunakan dalam bab tiga dan empat.

### **1.9 Sistematika Pengkajian**

Dalam pengkajian rangka kajian ini, pengkaji telah membahagikan kepada beberapa bab tertentu supaya perbahasan yang dijalankan mencapai objektif dan dapat

menyelesaikan segala permasalahan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada lima bab utama. Setiap bab, akan menghuraikan skop perbahasan masing-masing.

Bab Pendahuluan merupakan pengenalan awal terhadap tajuk kajian dan beberapa perkara lain yang merangkumi segala permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian ini dilakukan dan skop kajian yang dijalankan. Pada masa yang sama, penekanan juga diberikan dalam menjelaskan metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Metodologi tersebut merangkumi penggunaan metodologi dalam pengumpulan data dan metodologi menganalisis data-data yang diperolehi.

Bab Pertama adalah satu usaha pengkaji untuk mendedahkan terlebih dahulu berkaitan perkembangan hadith di Nusantara yang merujuk kepada perkembangan dari sudut pengajian dan pengkajian hadith. Segala fakta dan data akan dijelaskan oleh pengkaji berdasarkan kepada pembahagian periode abad yang bermula sebelum abad ke-16 sehingga abad ke-20 dan terkini. Namun, huraian yang dibawa adalah bersifat umum dengan dikemukakan beberapa pengkajian yang cenderung dalam bidang hadith. Ini kerana, ulama-ulama kelahiran Alam Melayu juga tidak ketinggalan dalam menulis karya-karya hadith. dan memudahkan pengkaji untuk menggambarkan perkembangan tersebut. Namun, Pendedahan ini akan memberikan satu gambaran keseluruhan tentang pengkajian karya-karya hadith sebelum ini.

Dalam Bab Kedua, pengkaji mengkhususkan perbahasan secara terperinci berkaitan biografi Syeikh ‘Abd al-Qādir al-Mandīlī. Dalam biografi ini, perbahasan dan perbincangan

bersifat mencapah yang menyentuh tentang biodata al-Mandīlī seperti nama, asal usul, pendidikan asal, latar belakang keluarga, pembelajaran dan pengajaran, guru-guru, dan juga keperibadian beliau. Perbincangan juga menyentuh tentang sumbangan beliau dalam dunia keilmuan merujuk kepada karya-karya yang dihasilkan dalam pelbagai bidang seperti hadith, politik, akidah (*usuluddin*), fikah dan sebagainya. Oleh yang demikian, dalam bab ini, pengkaji berusaha untuk memperkenalkan al-Mandīlī dengan lebih terperinci lagi.

Manakala dalam Bab Ketiga, tumpuan kajian adalah untuk menjelaskan tentang pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mentakhrij hadith-hadith di dalam karya-karya yang dipilih tersebut. Karya-karya tersebut terdiri daripada empat buah karya yang mewaliki empat bidang ilmu iaitu “*Penawar Bagi Hati*” dalam bidang tasawuf, “*Manakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir*” dalam bidang pendidikan, *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* dalam bidang fikah, dan *I’tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turun ‘Isa ‘Alayh al-Salam Pada Akhir Zaman* dalam bidang akidah. Dalam pada itu, pengkaji mendahului dengan memperkenalkan karya-karya tersebut yang terdiri daripada beberapa maklumat seperti maklumat tarikh penghasilan kitab, sejarah penulisan, kandungan kitab serta jumlah hadith yang terdapat dalam setiap buah kitab.

Bab Keempat pula, pengkaji memberi tumpuan khusus dalam meneliti dan menyenaraikan beberapa hadith daripada keempat-empat kitab yang menjadi bahan kajian pengkaji tersebut. Selain dilakukan usaha mentakhrij hadith-hadith tersebut, fokus utama yang lain adalah analisis dan ulasan terhadap hadith-hadith itu dengan melihat kepada

bentuk pengkajian dan penyusunan hadith yang dilakukan di dalam kitab-kitab tersebut. Pada masa yang sama dinyatakan martabat bagi hadith-hadith tersebut sama ada dalam kategori *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *ḍaʿīf* dan sebagainya. Penambahan lain seperti judul kitab, judul bab, nombor hadith dan sebagainya lagi yang berkaitan juga tidak ketinggalan dikemukakan bersama sebagai pelengkap kepada keseluruhan maklumat tentang hadith tersebut. Bab ini merupakan kemuncak kepada perbahasan dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, seperti mana merujuk kepada skop kajian pengkaji.

Bab Kelima pula adalah bab terakhir yang merupakan kesimpulan terhadap keseluruhan kajian ini. Kesimpulan yang dibawa adalah rumusan ringkas terhadap perbahasan kajian dalam keseluruhan bab sebelum ini. Ia juga penting untuk melihat keseluruhan perbahasan agar mencapai objektif yang telah ditetapkan. Disertakan juga bersama dalam bab ini cadangan dan saranan daripada pihak pengkaji sendiri.